

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
RABU, 5 MAC 2025**

PJL05/01/2025

1

No. Soalan: PL140

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH
BIN HAJI OTHMAN**

TARIKH : 05.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika pihak Kementerian mengambil tindakan terhadap masalah bekalan air yang berterusan di Asrama Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam bagi memastikan kesejahteraan pelajar.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman atas soalan PL140.

Asrama IBTE Kampus Nakhoda Ragam mempunyai empat (4) blok – dua (2) blok untuk penuntut lelaki (Putera Blok B dan Blok C) serta dua (2) blok untuk penuntut perempuan (Puteri Blok A dan Puteri Blok B). Isu bekalan air yang berterusan telah menimbulkan kebimbangan terhadap kesejahteraan pelajar. Oleh itu, pihak IBTE telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pembaikan dan penggantian *Booster Pump* yang telah lama digunakan serta menyediakan langkah sementara untuk menjamin bekalan air di asrama-asrama yang terjejas.

Di **Asrama Puteri Blok A dan Blok B**, telah dikenal pasti isu kebocoran, iaitu tekanan air rendah akibat paip berkarat, serta kerosakan pada komponen “*relay*”.

Proses pembaikan serta penggantian *Booster Pump* telah selesai pada **November 2024**.

Manakala di **Asrama Putera Blok C**, *Booster Pump* yang mengalami kerosakan pada November 2024 telah dibaiki dan kembali berfungsi sejak **Februari 2025**.

Bagi **Asrama Putera Blok B**, aduan mengenai gangguan bekalan air telah diterima pada Januari 2025. Isu ini masih di dalam proses penyelesaian, dan pembaikan *booster pump* kini berada pada **peringkat pelaksanaan dokumen tender**.

Sebagai usaha sementara, bekalan air telah disimpan dalam tong besar yang ditempatkan di tandas dan kawasan asrama. Penghuni asrama juga disarankan untuk berkongsi kemudahan tandas dan bilik mandi sehingga masalah bekalan air dapat diselesaikan sepenuhnya.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL79

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI
AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN

TARIKH : 05.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** merujuk berkenaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) peratus graduan yang mendapat pekerjaan dalam masa 6 bulan setelah tamat, iaitu 76% dari mulai 2023/2024 hingga 2027/2028 terutamanya UNISSA dengan hanya 60%, dan menyatakan (a) adakah Kementerian berpuas hati dengan peratus ini memandangkan lebih kurang 25% graduan yang tidak mendapat pekerjaan setiap tahun; dan (b) apakah perancangan bagi meningkatkan peratus ini dan memastikan mereka dapat diserap oleh pasaran pekerjaan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman atas keperihatinan terhadap status pekerjaan graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kita.

(a) Yang Berhormat Pehin, Penunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Pendidikan mensasarkan 76% graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian mulai 2023/2024. Sasaran ini terhasil melalui unjuran *trend linear* (linear trend projection) berdasarkan data sebenar kadar kebolehkkerjaan graduan dari tahun 2019 hingga 2022. Unjuran linear ini mengasumsi bahawa aktiviti ekonomi adalah konsisten, dan sebarang peningkatan dalam KPI ini memerlukan penambahan yang ketara dan signifikan dalam aktiviti perekonomian. Bagi menjawab pertanyaan tersebut, sukacita disampaikan dua perspektif seperti berikut:

- **Pertama**, Kementerian Pendidikan merasakan sasaran ini adalah **realistik** memandangkan ianya adalah berdasarkan dan selaras dengan data dan pertumbuhan ekonomi pada masa ini. Selain itu, petunjuk prestasi ini adalah bagi tempoh 6 bulan selepas tamat

pengajian, dan ia tidak bermakna 25% graduan yang selebihnya tidak akan mendapat pekerjaan atau berhenti mencari pekerjaan selepas 6 bulan tamat pengajian.

- **Kedua**, dalam situasi yang **ideal**, setentunya pihak Kementerian Pendidikan mengharapkan semua graduannya mendapat pekerjaan dalam bidang masing-masing setelah menamatkan pengajian kerana impaknya adalah berhubungkait dalam mencapai ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei 2035.

(b) Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan melalui institusi-institusi pendidikan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan peratus keboleherjaan dan memastikan para graduan dapat diserap oleh pasaran pekerjaan dengan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

1. Dengan memastikan program pengajian yang ditawarkan dan fakulti atau sekolah mendapat **pengiktirafan** daripada industri serta **akreditasi** daripada badan profesional, sebagai contoh:
 - UBD-School of Business and Economics telah mendapat akreditasi dari Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB);
 - Program Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam Kejuruteraan Mekanikal, di Fakulti Kejuruteraan, UTB telah mendapat akreditasi dari Institution of Mechanical Engineers (IMechE) UK; dan
 - Sekolah ICT, IBTE telah mendapat akreditasi dari Computing Technology Industry Association (COMTia).
2. Melalui program-program **internship** atau **work attachment** samada di dalam atau luar negeri yang memberikan pelajar pendedahan kepada dunia pekerjaan, peluang mempraktikkan dan meningkatkan kemahiran, serta melatih etika kerja.
3. IPT juga menyediakan **platform keusahawanan** bagi menggalakkan graduan untuk bekerja sendiri (*self-employed*) dan perniagaan permulaan (*start-up*) seperti:

- **Klinik Keusahawanan UBD** bagi graduan yang berminat untuk memulakan perniagaan, di mana pelajar boleh menghadiri bagi memahami dan mempelajari cara untuk memulakan perniagaan; dan
- **Incuvation Centre Laksamana College of Business** yang memberi bimbingan kepada graduan untuk memulakan perniagaan dan menghubungkan mereka dengan syarikat dan rakan kongsi korporat yang berkenaan.

Sementara itu, **UNISSA** melaksanakan pelbagai inisiatif akademik yang diharap akan menghasilkan graduan yang lebih *marketable* dan dapat diserap oleh pasaran pekerjaan, seperti:

1. Menawarkan program Ijazah Sarjana Muda dengan tempoh pengajian tiga (3) tahun yang memenuhi keperluan industri dan selaras dengan tren global. Program yang mula ditawarkan pada sesi pengajian 2024/2025 termasuk dalam bidang Pengurusan Pembangunan Islam, Media dan Teknologi Komunikasi Islam, Pertanian dan Sains Halal;
2. Menawarkan program dalam dua (2) Bahasa pengantar (*medium of instruction*) iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris seperti Program Sarjana Muda Sejarah dan Tamadun Islam, yang mana sebelum ini hanya ditawarkan dalam Bahasa Arab;
3. Menawarkan program Ijazah Dual (*Dual Award*) melalui kerjasama dengan universiti-universiti serantau bermula sesi pengajian 2025/2026, iaitu Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam bersama Universiti Malaysia Sabah, dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan/Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia;
4. Menstruktur semula tempoh Latihan Industri daripada 10 minggu kepada 20 minggu bagi memberikan pendedahan menyeluruh kepada dunia pekerjaan, menyediakan peluang untuk mempraktikkan serta meningkatkan kemahiran, dan melatih etika kerja yang profesional; dan
5. Memperkasa penguasaan dan meningkatkan kemahiran bahasa Arab dengan penghantaran pelajar ke Oman selama lapan (8) minggu.

Selain itu, UNISSA terus membangun kapasitas pelajar dan aluminya, seperti:

1. Melalui program-program pembangunan kerjaya termasuk taklimat kerjaya, bengkel dalam penyediaan CV, tatacara temuduga dan teknik pengucapan awam, ceramah motivasi dalam mendepani persaingan mendapatkan pekerjaan serta eksplorasi kerjaya ke organisasi berkepentingan;
2. Menawarkan peluang kepada para lulusannya untuk mengikuti kursus atau program upskilling atau reskilling yang ditawarkan oleh Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat UNISSA yang ditanggung bayaran sepenuh atau separuhnya oleh Tabung Persatuan Alumni;
3. Memperkasa kemahiran keusahawanan melalui Pusat E-Hub, sejak September 2024, yang menyediakan program berterusan termasuk program *Entrepreneurship Mentoring and Training*, yang memberikan peluang kepada pelajar dan alumni untuk berinteraksi secara langsung dan mendapat bimbingan dari pengusaha berpengalaman atau alumni yang berjaya, dari dalam dan luar negara; dan
4. Melalui UNISSA *Cafe* yang dikendalikan oleh pelajar sebagai latihan *authentic* dalam bidang yang mereka pelajari, di mana akan memberi impak positif jangka panjang dalam menyediakan kompetensi bersesuaian bagi menempuh alam pekerjaan.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL73**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN
HAJI HAMDAN****TARIKH : 05.03.2025 [RABU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN II** menyatakan apakah usaha ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan Radio Televisyen Brunei (RTB) dan perancangan bagi menaik taraf stesen-stesen cawangan RTB khususnya di Daerah Tutong.

JAWAPAN:

Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan, yang menyentuh mengenai perancangan untuk menaiktaraf stesen-stesen cawangan RTB dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan Penyiaran.

Untuk makluman semua ahli-ahli Yang Berhormat, kesemua stesen-stesen Radio Televisyen Brunei (RTB) di semua daerah memainkan peranan penting dalam menyediakan platform penyiaran berkualiti kepada masyarakat setempat dan negara amnya. Bagi memastikan perkhidmatan yang lebih efisien, pelbagai inisiatif telah dan akan terus dilaksanakan untuk memperkukuh aspek teknikal, kandungan penyiaran, serta penglibatan komuniti. Beberapa penambahbaikan dijalankan dalam memastikan setiap stesen cawangan RTB termasuk di Daerah Tutong kekal relevan dan berupaya memenuhi keperluan penduduk daerah dan juga penonton.

Pada masa ini, Jabatan RTB memberi keutamaan kepada peningkatan kualiti penyiaran & liputan dari segi infrastruktur penyiaran, bagi memastikan liputan lebih meluas dan berkualiti tinggi, seperti berikut:

- Menaiktaraf pemancar T-2 Bang Dalam untuk penyiaran digital TV dan radio, yang membolehkan liputan diperluaskan ke kawasan pedalaman termasuk Daerah Tutong.
- Peningkatan mutu penyiaran radio dengan memperkukuh keupayaan pemancar FM di kawasan strategik, untuk memastikan penerimaan siaran yang lebih stabil dan berkualiti tinggi.

Setelah infrastruktur penyiaran RTB dipertingkatkan, khususnya dari segi kualiti dan liputan penyiaran, tindakan lanjut dan segera Jabatan RTB adalah untuk menaiktaraf infrastruktur-infrastruktur lain, seperti stesen RTB di cawangan-cawangan Daerah, termasuk cawangan Daerah Tutong.

Kesimpulannya, Jabatan RTB akan terus memperkukuh perkhidmatan penyiaran dengan pendekatan strategik dan inovatif di kesemua empat daerah. Jabatan RTB akan terus menjadi platform utama kepada menyampaikan maklumat berkualiti dan menghiburkan masyarakat, sejajar dengan visi dan misinya mendukung pembangunan negara serta memberigakan dasar dan agenda Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam memastikan kesejahteraan, keharmonian dan keamanan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PL115**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT****TARIKH : 05.03.2025 [RABU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT minta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan boleh meneliti kemungkinan penambahan satu hari cuti umum bagi memberi ruang kepada rakyat melaksanakan ibadah korban dengan lebih teratur, mengelakkan kesesakan di pusat penyembelihan, serta memastikan pengagihan daging berjalan dengan lebih efisien, memandangkan ibadah korban boleh dilakukan dalam tempoh empat hari.

JAWAPAN:

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat mengenai penambahan satu hari cuti umum bagi memberi ruang kepada rakyat melaksanakan ibadah korban. Perkara ini perlu dilihat secara holistik mengambil kira peraturan berkaitan hal-ehwal cuti dalam sektor awam ketika ini.

Sepertimana yang dimaklumi bersama, jumlah cuti hari-hari kelepasan awam dalam setahun di Negara Brunei Darussalam adalah dikira sudah memadai pada ketika ini, yang mana termasuk cuti awam bagi Sambutan Hari Raya Aidiladha selama sehari, untuk memberi ruang kepada penjawat awam dan sektor swasta khususnya yang beragama Islam untuk sama-sama menyemarakkan sambutan Hari Raya Aidiladha.

Jika dibandingkan dengan negara-negara serantau, Negara Brunei Darussalam mempunyai sebanyak 15 hari cuti awam, setara dengan Malaysia dan Kemboja, serta lebih tinggi berbanding beberapa negara ASEAN seperti Singapura (11 hari), Laos (9 hari), dan Vietnam (11 hari).

Bagi sektor awam, peraturan cuti yang sedia ada memperuntukkan cuti tahunan bagi pegawai dan kakitangan mengikut peringkat masing-masing. Dalam hubungan ini, jika ada keperluan bagi mengadakan ibadah korban secara persendirian, maka pegawai dan kakitangan berkenaan bolehlah menggunakan cuti tahunan yang diperuntukkan mengikut peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini.

No. Soalan: PL130**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****TARIKH : 05.03.2025 [RABU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF minta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan jika Kementerian mempunyai langkah atau inisiatif dalam memperkasa dan memantapkan pengurusan serta pentadbiran masjid-masjid di negara ini dengan lebih efektif dan berkesan untuk menjadikan masjid sebagai one-stop centre dan platform kegiatan pengimarahannya dan kemaslahatan masyarakat di persekitarannya dalam usaha mengembang majukan lagi syiar Islam di negara ini.

JAWAPAN:

Masjid berfungsi sebagai pusat peribadatan, ilmu pengetahuan dan kemasyarakatan. Sebagai contoh, masjid sebagai tempat melaksanakan sembahyang fardhu lima waktu, fardhu jumaat, sembahyang sunat dua hari raya, sembahyang sunat gerhana, Qiamullail dan Kerohanian.serta program keugamaan seperti halaqah tadarus, Tadabbur dan membaca surah-surah pilihan.

Dalam pada itu, program peningkatan ilmu pengetahuan juga giat diadakan dengan perlaksanaan kuliah-kuliah, ceramah dan tazkirah serta kelas-kelas bimbingan ugama, Selain itu, kelas tambahan bagi pelajar yang menduduki peperiksaan bersijil, kelas membaca al-quran dan amali ugama serta lain-lain juga diadakan di samping beberapa ilmu pengetahuan berkenaan pertanian dan kesihatan juga turut diadakan di beberapa buah masjid.

Masjid turut dijadikan sebagai pusat kemasyarakatan dengan program-program seperti program amal mengumpul bantuan berupa inkind seperti barang-barang makanan asasi dan keperluan harian untuk diagihkan kepada asnaf dan orang-orang yang kurang berkemampuan yang dilaksanakan oleh Kumpulan Belia Masjid, Jawatankuasa Takmir Masjid, agensi lain dan NGO's. Tambahan daripada itu, masjid

juga turut dijadikan tempat untuk mengadakan muzakarah bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampong.

Alhamdulillah kesemua perkara ini sudah menjadikan masjid sebagai one stop centre.

RUMUSAN:

Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) terus berusaha untuk menjadikan masjid sebagai pusat komuniti dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti pusat kemasyarakatan, pendidikan agama, pembayaran zakat, pencen tua, dan bantuan. Kerjasama dengan kerajaan, swasta, badan beruniform, dan NGO juga dilaksanakan melalui program amal dan kempen kebersihan.

Dalam pada itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid mengalu-alukan penggunaan masjid sebagai pusat komuniti khasnya bagi pembayaran pencen tua bagi ketua-ketua kampong yang berkeinginan untuk menggunakan masjid sebagaimana yang telah dilaksanakan di beberapa buah masjid oleh Penghulu dan Ketua-Ketua Kampong.

Dalam masa yang sama, JHEM akan meneruskan usaha untuk mengadakan seminar dan bengkel bagi pegawai masjid dan ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dalam memperkasa dan memantapkan pengurusan serta pentadbiran masjid-masjid di negara ini dengan lebih efektif dan berkesan

No. Soalan: PL142**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH
BIN HAJI OTHMAN****TARIKH : 05.03.2025 [RABU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN minta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan perancangan Kementerian untuk menyelidiki kerosakan struktur dan asas bangunan yang dihadapi oleh Masjid Kampung Sungai Liang disebabkan gegaran lalu lintas dari jalan raya berdekatan bagi memastikan keselamatan jemaah.

JAWAPAN:

1. Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui BBDP, KHEU telah memohon Pihak JKR untuk mengadakan pemeriksaan menyeluruh ke atas bangunan Masjid Kampung Sungai Liang. Pihak JKR telahpun mengadakan lawatan dan pemeriksaan dan memberikan maklum balas melalui Memorandum bertarikh 23 Ogos 2022 dengan menyatakan keterangan seperti berikut:
 - Struktur Masjid Kampung Sungai Liang adalah dalam keadaan stabil, tetapi beberapa bahagian perlu dibaikpulih atau diroboh, termasuk bahagian tambahan yang condong.
 - Kerosakan apron disebabkan down pipe rosak, dan endapan tanah berlaku akibat gegaran pembinaan rumah baharu di belakang masjid.
2. JHEM dengan kerjasama BBDP telah melaksanakan kerja-kerja membaiki kerosakan kecil sebagai usaha jangka masa pendek dalam mengekalkan keselamatan dan keselesaan bagi Jemaah dan pengguna masjid berkenaan.
3. Sebagai usaha jangka masa panjang, sebagaimana jua saranan daripada pihak JKR, JHEM, KHEU akan melaksanakan perobohan bangunan tambahan bagi mengekalkan kestabilan struktur asal bangunan masjid selain membangun semula bangunan tambahan jika diperlukan.

No. Soalan: PL49**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****TARIKH : 05.03.2025 [RABU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN minta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menggalakkan sukarelawan belia, NGOs dan institusi korporat yang mana masih boleh dipertingkatkan untuk terlibat dalam program warga emas dan mengelilingi kesejahteraan warga emas. Soalan ini adalah berdasarkan kepada dengan berhasrat untuk mencapai kemajuan dan inklusiviti dalam mana 10.8% (48,800 orang) penduduk Brunei adalah warga emas dan dijangkakan meningkat ke 64,158 orang pada tahun 2030.

JAWAPAN:

1. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin atas pertanyaan PL49 mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan1. penglibatan sukarelawan belia, NGO, dan institusi korporat dalam program yang menyokong kesejahteraan warga emas.
3. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, sejajar dengan Pelan Tindakan Warga Emas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama agensi-agensi berkaitan, terus berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas, khususnya mereka yang memerlukan. Pendekatan ini melibatkan kerjasama erat dengan sektor swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan komuniti setempat bagi memastikan bantuan dan sokongan yang lebih menyeluruh dapat disampaikan kepada golongan ini.
4. Sebagai contoh, sepanjang tahun 2023 dan 2024, KKBS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah melaksanakan pelbagai program berorientasikan kebajikan warga emas yang melibatkan penglibatan aktif belia, termasuk:

-
- a. Pertama, Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas: Pada tahun 2023, mahasiswa dan mahasiswi perubatan dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menganjurkan walkathon khas untuk warga emas. Pada tahun 2024, Brunei Medical Students Association (BMSA) pula telah melaksanakan "The Golden Milestones", iaitu satu walkathon secara maya.
 - b. Kedua, Projek Memeduli Warga Emas: JAPEM bekerjasama dengan Persatuan BERSATU (Alumni Kapal Belia) dalam menyantuni dan membantu warga emas melalui pelbagai aktiviti sokongan.
 - c. Ketiga, Community Outreach Programme UBD: Pelajar-pelajar UBD telah mengadakan pelbagai program untuk warga emas, termasuk pertandingan boling antara Pusat Kegiatan Warga Emas di keempat-empat daerah.
 - d. Keempat, Kempen Kebersihan bagi Klien Projek Memeduli Warga Emas: Sukarelawan belia dari pelbagai institusi, termasuk Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), IBTE, UBD, UNISSA, dan PKBN, telah terlibat dalam aktiviti pemedulian warga emas.
 - e. Kelima, Aktiviti Meningkatkan Kecerdasan Otak Warga Emas: Demensia Brunei dengan kerjasama pelajar Community Outreach Programme UBD telah menganjurkan pelbagai aktiviti, termasuk permainan tradisional, untuk merangsang daya ingatan warga emas.
 - f. Keenam, Kajian ReST Program oleh Mahasiswa Perubatan UBD: Dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, program ini diperkenalkan bagi menggalakkan warga emas meningkatkan kekuatan fizikal dan keseimbangan badan dengan mengintegrasikan gerakan dan istilah solat.
5. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, dalam Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 tahun ini, KKBS telah menerapkan modul baharu yang menekankan aspek kesukarelawanan dan pemedulian sosial, dengan fokus kepada warga emas dan orang kelainan upaya (OKU). Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan prihatin terhadap golongan ini. Insya Allah, di masa akan datang, latihan Program Khidmat Bakti Negara akan terus menerapkan modul ini dan akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan untuk sama-sama menjaga kesejahteraan golongan-golongan yang berkenaan. Ini sedikit sebanyak akan meningkatkan lagi kesedaran di kalangan masyarakat terhadap golongan-golongan yang memerlukan bantuan di samping menanamkan suasana harmoni, rasa kekitaan dan pemedulian. Ke arah ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalu-alukan penyertaan

rakan-rakan strategik dan orang awam dalam memberikan kerjasama dan sumbangan bagi menjayakan hasrat ini.

6. Selain itu, di bawah Pelan Tindakan Warga Emas yang baharu, KKBS akan terus memperkasakan penyertaan belia dalam menyantuni warga emas, termasuk dalam aspek sokongan sosial, kesejahteraan mental, serta literasi digital untuk memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan perubahan zaman.
7. Walaubagaimanapun, ini tidak bermakna Kementerian ini sudah berpuas hati dan melihat program sedia ada sebagai mencukupi. Masih terdapat ruang untuk memperluaskan dan mempertingkatkan inisiatif yang lebih bersasar, khususnya dalam menarik lebih ramai sukarelawan belia untuk menyantuni warga emas yang memerlukan bantuan. Pada masa yang sama, KKBS akan terus memperkukuh kerjasama dengan persatuan warga emas bagi memastikan setiap program yang dilaksanakan lebih efektif dan benar-benar memenuhi keperluan serta kesejahteraan mereka.
8. Kementerian juga kekal komited untuk memperkukuh ekosistem kesukarelawanan belia, agar usaha murni ini tidak hanya memberi manfaat kepada warga emas, tetapi juga menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih penyayang, inklusif dan bersatu padu.
9. Sekian sahaja bagi menjawab persoalan PL49 Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Terima kasih.

No. Soalan: PL137

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

TARIKH : 05.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF minta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat mana keberkesanan dan kejayaan program-program yang diungkayahkan melalui skim-skim bantuan di bawah kelolaan Kementerian bagi menangani cabaran isu kemiskinan dalam usaha mengeluarkan golongan kurang berkemampuan daripada lingkaran kemiskinan.

JAWAPAN:

[AKAN DIJAWAB SEBAGAI KENYATAAN MENTERI]

No. Soalan: PL76

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN
HAJI HAMDAN

TARIKH : 05.03.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berkenaan perancangan bagi menaik taraf jalan raya dan sistem peparitan di kawasan Perumahan Perpindahan Negara dari segi aspek keselamatan dan pemeliharaan agar ianya lebih mesra pengguna.

JAWAPAN:

- Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan atas keprihatinan khususnya kepada pemeliharaan infrastruktur penting di kawasan perumahan di seluruh negara.
- Kementerian Pembangunan terus komited dalam menyelenggara infrastruktur jalan raya dan peparitan di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) di keempat-empat daerah. **Sehingga 2025, 17 kawasan RPN dan 15 kawasan STKRJ** yang meliputi lebih **30,000 unit rumah** diurus selia oleh Jabatan Kemajuan Perumahan. Untuk memastikan kemudahan ini kekal terpelihara, **25 kontrak penyelenggaraan** bernilai **BND 2.2 juta** telah diperuntukkan yang antara lain melibatkan:
 - **Penyelenggaraan longkang dan peparitan:** Pembersihan dan pembinaan semula bagi mengurangkan risiko banjir.
 - **Pemotongan rumput:** Dilakukan secara berkala bagi memastikan jarak pandang pemandu tidak terhalang dan meningkatkan kebersihan kawasan.
- Manakala pembaikan dan penurapan semula jalan-jalan aspal di kawasan perumahan negara termasuk dalam 3 kontrak penyelenggaraan Jabatan Jalan Raya yang keseluruhannya bernilai **BND 4.5 juta**.

-
- Disamping itu, Jabatan Saliran dan Pembetulan memperuntukkan sekitar **BND1.5 juta** untuk menambahnaik sistem saliran untuk mengelakkan banjir kilat, dengan pembinaan longkang lebih besar, culvert dan sump tambahan di lokasi dilanda banjir di Wasai Limuru, RPN Tanah Jambu (BND 47,470); Jalan Binglu, RPN Tanah Jambu (BND 179,643); Jalan Sungai Cerana, RPN Mengkubau (BND 463,000) dan RPN Bukit Beruang (BND 858,000).
 - Pada masa yang sama, Rancangan Kemajuan Negara 12 (RKN 12) turut memberi fokus kepada penambahbaikan infrastruktur jalan raya jangka sederhana dan panjang secara keseluruhan berjumlah **BND28 juta**, termasuk menaik taraf jalan utama di kawasan RPN & STKRJ seperti Perpindahan Lambak Kanan, RPN & STKRJ Rimba, RPN Rataie, STKRJ Tungku, RPN Bukit Beruang dan STKRJ Telisai bagi penurapan semula, pelebaran jalan dan penambahbaikan persimpangan bagi melancarkan laluan keluar-masuk.
 - Perancangan ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan dalam memastikan **perumahan negara kekal selesa, selamat dan berkualiti sejajar** dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.